

Langkah Kajang buat Umno panik, kata Anwar
Malaysian Insider
Feb 23, 2014
OLEH Mohd Farhan Darwis

Gerakan "Langkah Kajang" oleh Pakatan Rakyat (PR) menjadikan Barisan Nasional (BN) panik terhadap kedudukan mereka di Selangor, kata Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Anwar berkata, "elemen kejutan" yang dilakukan PR dengan meletakkan beliau sebagai calon kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Kajang menyebabkan beberapa pemimpin veteran BN mengeluarkan kenyataan kedudukan Umno dalam bahaya.

"Elemen kejutan Langkah Kajang ini dia (Umno) panik. Kita jangan cuai. Kita kena pastikan, sabotaj dari luar itu cukup kuat," kata Anwar ketika berucap dalam ceramahnya malam tadi Kajang.

"(Tun) Daim Zainuddin yang sedang tidur pun bangkit mahu lawan (Anwar). (Tun Dr) Mahathir (Mohamad) pun kata tidak boleh Anwar (bertanding di Kajang). Mahathir sudah 87 tahun, dengar nama Anwar dia takut.

"Dia takut sebab apa, anak dia Melayu paling kaya di Malaysia. Hidup Melayu, siapa? Anak dialah," katanya.

BN sebelum ini mengumumkan calon mereka iaitu Naib Presiden MCA, Datin Paduka Chew Mei Fun untuk bertanding menentang Anwar merebut kerusi yang dikosongkan Lee Chin Cheh bagi memberikan laluan kepada Anwar di kerusi berkenaan.

Anwar turut dilihat menegaskan keutamaan untuk melawan Umno dengan mengatakan MCA hanyalah sekadar "menumpang" kedudukan Umno.

"Siapa BN nak letak itu kerja dia. Cuma kita nak bagi tahu kita bukan lawan MCA, yang kuasa ini pemimpin Umno. MCA tumpang sahaja, dia tidak berani cakap.

"Siapa kisah MCA? Calon dia MCA, tapi sokongan semua BN, Umno dalam kerajaan," katanya.

Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN Kajang dikatakan cubaan Anwar untuk meredakan kemelut dalaman parti yang melibatkan Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dan Timbalan Presiden PKR, Mohamed Azmin Ali.

Malah, turut terdapat ura-ura mengatakan Anwar akan menggantikan Khalid sebagai menteri besar sekiranya beliau memenangi kerusi DUN Kajang.

Dalam ucapannya di dua lokasi berbeza malam tadi, Anwar turut mengkritik Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) apabila mendakwa pengendali pilihan raya itu sengaja meletakkan tarikh 11 Mac untuk penamaan calon, sedangkan waktu itu merupakan sesi ucapan ketua pembangkang di Parlimen.

"Saya tetap akan ke Parlimen selepas penamaan calon. Tengok tarikh, 11 Mac itu, tarikh saya berucap di Parlimen.

"Tengok SPR. Walaupun saya baru jadi calon, saya akan bawa masuk isu Kajang di Parlimen," katanya.

SPR menetapkan 23 Mac sebagai tarikh pilihan raya di DUN Kajang.

Selain isu kenaikan harga barang, sesi kempen ceramah Anwar di Kajang turut menyaksikan beliau membawa isu toleransi hubungan antara agama di negara ini.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/langkah-kajang-jadikan-umno-panik-kata-anwar>